



**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN  
NEGERI PAHANG**

---

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA : PKPP/SH/121/2025**

**PELAWAAN MEMBELI DUA (2) LOT TAPAK RUMAH  
DI DALAM RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA MANGSA BANJIR (RPSB)  
KG. SENTOSA (BATU 55), MARAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR.**

**1. Dua (2) Lot Tapak Yang Ditawarkan**

| <b>Bil.</b> | <b>No. Hakmilik</b> | <b>No. Lot</b> | <b>Luas</b> |
|-------------|---------------------|----------------|-------------|
| 1.          | PM 27222            | 97993          | 1,509 MP    |
| 2.          | PM 27210            | 97981          | 1,223 MP    |

**2. Harga Tawaran**

| <b>Bil.</b> | <b>Perkara</b>       | <b>Luas Kawasan (Ekar)</b> | <b>Harga (Rezab/Lantai) (RM)</b> |
|-------------|----------------------|----------------------------|----------------------------------|
| 1.          | Satu Lot Tapak Rumah | ± ¼ ekar/lot               | 47.00/SMP                        |

**3. Keutamaan**

Permohonan akan dipertimbangkan mengikut keutamaan seperti berikut:-

- a) Anak-anak tempatan/anak peserta/waris peserta rancangan berkenaan yang berkemampuan.
- b) Pegawai/Kakitangan Kerajaan Negeri Pahang yang merupakan anak tempatan.
- c) **Akan bermastautin di rancangan ini.**

#### 4. **Permohonan**

Setiap permohonan bagi memiliki lot tersebut, hendaklah dibuat diatas borang sebut harga **PKPP/SH/121/2025** dengan harga **RM50.00** senaskah yang boleh didapati di pejabat PKPP seperti alamat berikut:-

Alamat :- Bahagian Kewangan,  
PKPP Negeri Pahang,  
Jalan Gambut, 25990 Kuantan.  
Tel : 09-5562455

Pegawai boleh dihubungi :-  
(Puan Nor Aslah binti Man)

Atau

Pejabat Wilayah PKPP,  
Pahang Tengah, Temerloh,  
No. 6, Blok 2,  
Jalan Dato' Bahaman 4,  
28000 Temerloh.

Pegawai untuk dihubungi :-  
Encik Mohamad Azman bin Abdul Rashid  
Tel : 09-2961439

Pembayaran bagi pembelian borang sebut harga hanya boleh dilakukan secara atas talian sahaja ke akaun PKPP: **Malayan Banking Berhad 006052204784**. Perlu kemukakan bukti transaksi bayaran semasa mengambil borang sebut harga.

#### 5. **Kaedah Permohonan**

- a) Satu borang sebutharga hanya untuk memohon satu lot tapak rumah sahaja.
- b) Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantarkan ke alamat di atas **pada atau sebelum 20 Ogos 2025 (Khamis)**. (Borang-borang yang lewat dihantar dari tarikh tutup dan tidak lengkap, tidak akan dilayan. Bukti pos tidak boleh dijadikan pengesahan penerimaan.)
- c) Setiap permohonan hendaklah disertakan bersama **Wang Pertaruhan/Cagaran sebanyak 10%** daripada jumlah harga lot yang dikemukakan dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Deraf atas nama **Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang**. Bayaran dalam bentuk Wang Tunai atau Cek Persendirian tidak diterima. Wang Pertaruhan/Cagaran ini akan diambilkira sebagai sebahagian daripada harga yang ditawarkan bagi yang berjaya dan wang ini akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya.
- d) **Hanya borang-borang permohonan yang lengkap dan layak sahaja mengikut keutamaan akan diproses.**

- e) Pemohon yang tidak dihubungi selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap gagal dalam permohonan dan keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.
- f) Lawatan ke tapak bagi meninjau lot-lot berkenaan akan dibuat **pada 13 Ogos 2025 jam 10.30 pagi. (Tempat berkumpul di Balai Raya Kg. Sentosa)** (Pegawai yang boleh dihubungi : Encik Mohd Azman bin Abdul Rashid).
- g) Tapak yang ditawarkan adalah sepertimana yang sedia ada di rancangan berkenaan.
- h) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan (AM 80) untuk menjelaskan bayaran dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh surat tawaran.

## 6. Lain-Lain

- a) Pemohon yang berjaya dalam tawaran ini adalah tidak dianggap peserta RPSB Kg. Sentosa (Batu 55) Maran. Oleh yang demikian pemohon tidak layak mendapat apa-apa kemudahan seperti yang diperolehi oleh peserta RPSB berkenaan.
- b) PKPP tidak akan menanggung apa-apa kos berkaitan dengan segala urusan berkaitan lot tapak rumah tersebut dari segi kos pindah milik dan lain-lain kos yang berkaitan dengannya.
- c) Pemohon yang berjaya hendaklah berpuashati dan menerima lot tapak yang ditawarkan sepertimana sedia ada di atas tanah sekarang.
- d) Sekiranya pemohon yang ditawarkan gagal menjelaskan semua bayaran dalam tempoh yang ditetapkan dan melanggar mana-mana syarat tawaran, PKPP berhak menarik balik atau membatalkan tawaran tersebut.
- e) PKPP tidak terikat untuk menerima tawaran yang tinggi atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN PERTANIAN,  
NEGERI PAHANG.**

Tarikh : 7 Ogos 2025